

UMS tubuh Tabung Amanah Biasiswa

UM 19.11.2014 26

Oleh SITTI NOR AZIZAH TALATA

utusanmelaka@utusan.com.my

■ KOTA KINABALU 18 NOV.

DALAM usaha memberi bantuan biasiswa kepada golongan mahasiswa, khususnya mereka yang kurang berkemampuan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) tampil dengan inisiatif tersendiri apabila bertindak menubuhkan Tabung Amanah Biasiswa.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, penubuhan tabung berkenaan merupakan usaha pihak universiti untuk kemudahan para mahasiswa universiti berkenaan.

Malah menurutnya, tabung tersebut akan memberi bantuan biasiswa kepada mahasiswa UMS melalui sumbangan yang diberikan oleh warga universiti itu sendiri.

“Untuk ini, saya menyeru dan mempelawa agar warga UMS tampil ke hadapan memberi sumbangan ke atas tabung amanah biasiswa ini yang bakal memberi faedah kepada anak bangsa kita,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Perasmian Minggu Bertemu Pelanggan Jabatan Bendahari, Perpustakaan serta Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan UMS di sini baru-baru ini.

Mohd. Harun memberitahu, tabung tersebut akan diuruskan

oleh Seksyen Endowment UMS.

Menyentuh tentang program Minggu Bertemu Pelanggan itu, jelasnya, program yang disokong oleh pihak universiti terbabit memberikan manfaat kepada pelbagai pihak.

“Tanpa rasa prejudis dan malu, nyatakanlah segala pandangan, aduan, cadangan kepada pihak penganjur supaya yang salah dapat dibetulkan, yang kurang ditambah dan yang kompleks dipermudahkan.

“Saya juga yakin kepelbagaian aktiviti sepanjang minggu ini boleh memberikan manfaat yang banyak kepada kita dari segi ilmu pengetahuan, hubungan baik dan jalinan kerjasama,” tambahnya.



MOHD. HARUN ABDULLAH memasukkan wang sebagai simbolik pelancaran Tabung Amanah Biasiswa dalam usaha memberi bantuan kepada pelajar kurang berkemampuan di UMS, Kota Kinabalu, baru-baru ini.